

Persatuan Silat Gayong Johor kini giat latih anggota2 baru

-6 MAY 1981
Pencak Sial

Oleh JAILANI AWANG

PERSATUAN Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau Cawangan Negeri Johor telah melatih 12 anggota lelaki dan lapan anggota wanita untuk menyertai sebarang kejohanan atau pertarungan (sparing) asalkan kejohanan itu bercorak olahraga atau seni mempertahankan diri.

Untuk tujuan tersebut persatuan berkenaan telah membuka gelanggang latihan intensif di Solok Wan Moh-Batu Pahat sejak enam bulan lalu di bawah pimpinan Guru Tertinggi Gayong Malaysia dan Serantau Encik Hussein Kaslan.

Menurut Pengerusi Gelanggang Pusat Gayong Negeri Johor Encik Abdul Manap Chakro, latihan untuk tujuan tersebut lebih menitikberatkan keteguhan jasmani di samping kecekapan pancalendera.

"Latihan nafas dan stamina juga tidak dilupakan dalam latihan tahan lasak itu," kata beliau.

Para peserta juga diberi pimpinan binabadan dan latihan angkat berat bertempat di Gelanggang Pusat Gayong Johor juga, terang Encik Abdul Manap.

Lima kelas untuk pa-



● ANAK Gayong Johor-Rosnah Ahmad sedang bertarung dengan Junaidah dari Singapura.

sukan sparing itu iaitu bawah 100 paun, bawah 110 paun, bawah 120 paun, bawah 130 paun dan leblh 140 paun.

Minat anak-anak Gayong Negeri Johor menyertai sebarang pertarungan (sparing) itu selepas melihat kejayaan anak-anak Gayong Singapura yang menyertai kejohanan pertarungan di antara ahli-ahli seni bina badang beberapa buah negeri termasuk Indonesia dan Malaysia baru-baru ini.

Encik Abdul Manap menyatakan kesediaan persatuannya untuk menyertai pertarungan seumpama itu andainya diberi peluang atau dipelawa oleh mana-mana pihak yang menajanya.

Hingga masa ini Gelanggang Pusat Solok Wan Mohd dibuka setiap malam Ahad dan akan ditambah jadual latihan itu apabila diminta menyertai sebarang kejuaraan, katanya.